

# REFRAT CAPSULE

Mycophenolate Mofetil (250mg)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Refrat Capsule
2. Bagaimana Refrat Capsule berfungsi
3. Sebelum menggunakan Refrat Capsule
4. Cara menggunakan Refrat Capsule
5. Semasa menggunakan Refrat Capsule
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Refrat Capsule
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Refrat Capsules

Refrat digunakan untuk mencegah badan anda menolak organ yang dipindahkan, i.e. buah pinggang, jantung atau hati.

Refrat juga digunakan untuk rawatan lupus nefritis (radang buah pinggang yang disebabkan oleh *systemic lupus erythematosus (SLE)*, penyakit sistem imun).

Refrat digunakan bersama-sama dengan ubat-ubatan lain:

- Cyclosporine
- corticosteroids.

## Bagaimana Refrat Capsule berfungsi

Refrat mengandungi mycophenolate mofetil. Ubat ini tergolong dalam kumpulan ubat-ubatan yang dipanggil *immunosuppressants*.

Ubat ini berfungsi dengan mengurangkan aktiviti sistem imun badan anda.

## Sebelum mengambil Refrat Capsule

### -Bila tidak boleh mengambil

Jangan mengambil Refrat jika:

- anda alah (hipersensitif) kepada mycophenolate mofetil, mycophenolic acid atau mana-mana bahan-bahan lain Refrat
- Jika anda tidak pasti, berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil Refrat.

## -Sebelum mengambil Refrat Capsule

Penjagaan khas dengan Refrat  
Berbincang dengan doktor anda dengan segera sebelum mengambil Refrat jika:

- anda mempunyai tanda-tanda jangkitan seperti demam atau sakit tekak
- anda mempunyai sebarang lebam yang tidak diduga atau pendarahan
- anda pernah mempunyai masalah dengan sistem penghadaman anda seperti ulser perut
- anda mempunyai risiko tinggi kanser khasnya kanser kulit.

## Mengambil Refrat dengan makanan dan minuman

Mengambil makanan dan minuman tidak mempunyai kesan ke atas rawatan anda dengan Refrat.

## Kehamilan, kontrasepsi dan menyusuan

### Kehamilan

Jika anda hamil, jangan mengambil Refrat. Ini adalah kerana Refrat boleh menyebabkan kemudaratan kepada bayi dalam kandungan anda.

- **Jika anda merancang untuk hamil**, berbincang dengan doktor anda terlebih dahulu. Doktor anda akan bercakap dengan anda tentang ubat-ubatan lain yang anda boleh ambil untuk mencegah penolakan pemindahan organ anda.
- Dalam keadaan tertentu, anda dan doktor anda boleh memutuskan bahawa faedah mengambil Refrat untuk kesihatan anda adalah lebih penting daripada risiko yang berkemungkinan berlaku pada bayi dalam kandungan anda.
- **Jika anda fikir anda mungkin mengandung, beritahu doktor anda dengan segera.**
- Walau bagaimanapun, terus mengambil Refrat sehingga anda berjumpa dengan doktor.
- Jika anda mampu hamil, anda mesti menjalani ujian kehamilan

sebelum anda memulakan Refrat. Anda hanya boleh memulakan Refrat jika ujian keputusan adalah negatif.

## Kontraseptif

Anda mesti sentiasa menggunakan kaedah kontraseptif yang berkesan dengan Refrat. Ini termasuk:

- sebelum anda mula mengambil Refrat
- semasa keseluruhan rawatan anda dengan Refrat
- untuk 6 minggu selepas anda berhenti mengambil Refrat.

Berbincang dengan doktor anda tentang kontrasepsi yang paling sesuai untuk anda. Ini akan bergantung kepada keadaan anda secara individu.

## Penyusuan

Jangan mengambil Refrat jika anda sedang menyusukan bayi. Ini adalah kerana didapati ubat dalam susu ibu.

## Memandu dan menggunakan mesin

Ubat ini boleh atau tidak boleh menjelaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika ubat ini membuat anda rasa loya, pening letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

## -Jika mengambil ubat-ubatan lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat-ubatan lain. Ini termasuk ubat-ubatan yang diperolehi tanpa preskripsi, termasuk ubat-ubatan herba. Ini adalah kerana Refrat boleh menjelaskan cara beberapa ubat-ubatan lain berfungsi. Juga ubat-ubatan lain boleh menjelaskan cara Refrat berfungsi.

Secara khususnya, beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda mengambil sebarang ubat-ubatan berikut sebelum anda memulakan Refrat:

# REFRAT CAPSULE

Mycophenolate Mofetil (250mg)

- *antiviral* seperti acyclovir dan Ganciclovir
- cholestyramine - digunakan untuk merawat kolesterol tinggi
- Antacids with magnesium and aluminium hydroxides - digunakan untuk masalah asid di dalam perut anda seperti senak
- Ejen *Immunosuppressive* (ubat yang mengurangkan aktiviti sistem imunisasi) seperti azathioprine, Cyclosporin dan tacrolimus.
- Probenecid - sejenis ubat untuk merawat gout
- Vaksin - Jika anda perlu mengambil vaksin (vaksin hidup) ketika mengambil Refrat, bercakap dengan doktor atau ahli farmasi anda dahulu. Doktor anda akan menasihati anda tentang jenis vaksin yang anda boleh ambil.

## Cara menggunakan Refrat Capsule

### Berapa banyak harus diambil

#### Pemindahan buah pinggang

##### Dewasa

- Dos harian adalah 8 biji (dos sehari 2g) yang diambil 2 kali secara berasingan.
- Ambil 4 biji pada waktu pagi dan kemudian 4 biji pada waktu petang.

#### Pemindahan jantung

##### Dewasa

- Dos harian adalah 12 biji (dos sehari 3 g) yang diambil 2 kali secara berasingan.
- Ambil 6 biji pada waktu pagi dan kemudian 6 biji pada waktu petang.

#### Pemindahan hati

##### Dewasa

- Dos harian adalah 12 biji (dos sehari 3 g) yang diambil 2 kali secara berasingan.
- Ambil 6 biji pada waktu pagi dan kemudian 6 biji pada waktu petang.

#### Kanak-kanak

- Tidak ada maklumat untuk penggunaan Refrat dalam kanak-kanak.

### Warga tua (>65 tahun)

- Untuk pemindahan buah pinggang, dos harian adalah 8 kapsul (dos sehari 2 g) yang diambil 2 kali secara berasingan.
- Untuk pemindahan jantung, Dos harian adalah 12 biji (dos sehari 3 g) yang diambil 2 kali secara berasingan.

### Untuk rawatan lupus nefritis

- 1g diambil dua kali sehari (dos harian 2g).

### Orang yang mempunyai neutropenia (bilangan sel darah putih yang rendah)

- Dos mycophenolate mofetil perlu dihentikan atau dikurangkan.

### Orang yang mempunyai masalah buah pinggang

- Untuk pemindahan buah pinggang, dos harian tidak boleh melebihi 8 kapsul (dos sehari 2 g) yang diambil 2 kali secara berasingan.
- Tiada maklumat tersedia untuk orang yang menjalani pemindahan jantung dan hati.

### Orang yang mempunyai masalah Hati

- Untuk pemindahan buah pinggang, tiada penyelarasan dos yang diperlukan.
- Tiada maklumat tersedia untuk orang yang menjalani pemindahan jantung dan hati.

### Bila perlu diambil

Telan kapsul anda secara keseluruhan dengan segelas air. Jangan memecahkan atau menghancurkan kapsul tersebut.

### Berapa lama perlu diambil

Sentiasa mengambil Refrat tepat seperti yang doktor anda telah memberitahu anda. Anda perlu menyemak dengan doktor atau ahli farmasi anda jika anda tidak pasti.

### Jika terlupa mengambil

Jika anda terlupa untuk mengambil ubat anda pada bila-bila masa, makan sebaik sahaja anda mengingatinya. Kemudian

terus mengambil ubat pada masa yang biasa. Jangan ambil dos yang berganda untuk mengantikan dos terlepas.

### -Jika mengambil terlebih dos

Jika anda mengambil Refrat lebih daripada yang sepatutnya, bercakap kepada seorang doktor atau pergi ke hospital dengan segera. Juga perlu melakukan ini jika orang lain terambil ubat anda. Ambil pek ubat bersama anda.

## Semasa menggunakan Refrat Capsule

### -Perkara yang perlu dilakukan

Jikalau anda mempunyai persoalan lanjut tentang penggunaan produk ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi anda.

### -Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti mengambil Refrat melainkan jika doktor anda memberitahu anda untuk berhenti. Jika anda menghentikan rawatan anda, anda boleh meningkatkan peluang penolakan pemindahan organ anda.

### -Perkara yang perlu diberi perhatian

Refrat boleh meningkatkan risiko anda mendapat kanser, terutamanya kanser kulit, kerana ia mengurangkan mekanisme pertahanan badan anda. Untuk mengurangkan risiko kanser kulit, pendedahan kepada cahaya matahari dan cahaya UV harus dielakkan dengan memakai pakaian perlindungan dan menggunakan pelindung matahari dengan faktor perlindungan yang tinggi.

Berhati-hati supaya tidak membiarkan apa-apa serbuk dari dalam tablet yang pecah masuk ke dalam mata atau mulut anda. Jika ini berlaku, bilas dengan air kosong yang banyak.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti semua ubat-ubatan, Refrat boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun tidak semua orang mengalaminya.

# REFRAT CAPSULE

Mycophenolate Mofetil (250mg)

Kesan-kesan sampingan yang paling biasa termasuk:

- cirit-birit
- perubahan dalam bilangan sel darah putih
- muntah
- Kekerapan jangkitan yang lebih tinggi, termasuk *opportunistic infections* (disebabkan oleh patogen yang biasanya tidak menyebabkan jangkitan).

Kesan-kesan sampingan yang lain termasuk:

Sakit (contohnya pada perut, dada, belakang), demam, sakit kepala, anemia (sel darah merah rendah), *thrombocytopenia* (sel platelet rendah), jangkitan saluran kencing, fungsi buah pinggang yang tidak normal, tekanan darah tinggi atau rendah, masalah jantung, *tachycardia* (degupan jantung yang cepat), edema (penakungan air), *hypercholesterolemia* (kolesterol tinggi), *hypokalemia* atau *hyperkalemia* (paras kalium yang rendah atau tinggi dalam darah), hiperglisemia (paras gula darah tinggi), peningkatan dalam nitrogen urea darah (BUN) dan kreatinin darah, peningkatan dehidrogenase laktik (sejenis enzim dalam darah), *hypomagnesemia* (tahap magnesium yang rendah dalam darah), *hypocalcemia* (paras kalsium yang rendah dalam darah), sembelit, gangguan pencernaan, mual, anoreksia (gangguan makan), keputusan ujian fungsi hati yang tidak normal, batuk, *dyspnea* (kesukaran bernafas), masalah paru-paru, *sinusitis* (keradangan tisu sinus), *pleural effusion* (cecair berlebihan sekitar paru-paru), ruam, geletar, *insomnia* (tidak dapat tidur), pening, kebimbangan, dan *paresthesia* (sesemut, rasa cucukan).

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web

[portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers →Reporting*)

**Tarikh kemaskini RiMUP**  
14-07-2015

## Cara penyimpanan dan pelupusan Refrat Capsule

### -Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 25°C. Lindungi daripada cahaya.

### -Pelupusan

Jangan makan ubat itu apabila telah lepas tarikh luputnya.

Pulang ubat yang tidak digunakan kepada ahli farmasi anda untuk dilupuskan. Hanya simpan ubat yang tidak digunakan jika doktor anda menasihatkannya. Jangan buang ubat tersebut di dalam air kumbahan atau bersama-sama dengan sampah-sarap rumah. Tindakan ini boleh membantu melindungi alam persekitaran.

## Maklumat lanjut

### -Rupa dan warna produk

Refrat Capsule 250mg adalah putih-keputihan, dengan serbuk 'free-flowing' yang diisikan ke dalam kapsul keras gelatin yang berwarna gading.

### -Bahan kandungan

#### Bahan aktif

Setiap kapsul mengandungi Mycophenolate Mofetil 250mg.

#### Bahan-bahan tidak aktif

Microcrystalline cellulose, Croscarmellose sodium, Povidone (K-30), Magnesium Stearate, dan Purified water.

### -Nombor MAL

MAL10070580A

## Pengilang

Strides Arcolab Limited

36/7, Suragajakkanhalli,  
Indlavadi Cross, Anekal Taluk,  
Bangalore-562 106, India.

## Pemegang Pendaftaran Produk

Actavis Sdn Bhd

C/o Allergan Malaysia Sdn Bhd  
Level 5-02, Block A, PJ 8,  
No. 23, Jalan Barat, Section 8,  
46050 Petaling Jaya, Selangor,  
Malaysia